

Ciri2 Islam dalam pembangunan 14 pakar anggota badan perunding

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan akan melantik 14 pakar dalam berbagai bidang duduk dalam badan perunding bagi menapis dan meneliti ciri-ciri Islam yang patut dijadikan asas dan pegangan dalam pelaksanaan rancangan pembangunan negara.

Badan itu kini dalam proses penubuhannya.

Sumber-sumber Jabatan Perdana Menteri memberitahu, badan yang akan diletakkan di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu akan diketuai oleh seorang pengerusi.

Ahli-ahli lain terdiri dari tiap seorang pakar ekonomi, pentadbiran, perubatan, kejuruteraan, pendidikan, perundangan, sosiologi dan seorang lagi dalam bidang yang difikirkan perlu.

Lima orang lagi terdiri dari sarjana-sarjana Islam.

Sumber-Sumber itu berkata, urusetia badan itu akan ditempatkan di Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Difahamkan, mereka yang dipilih masih belum diketahu.

Bagaimanapun, perkara pemilihan tersebut telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam ketiga dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri, Jun lalu.

Ia dihadiri oleh Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Badan perunding itu juga akan memberi nasihat asas dan lanjut di samping membuat penyesuaian bentuk-bentuk

teknologi yang perlu mengikut lunas-lunas Islam.

Penubuhan Badan Perunding itu dicadangkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri ketika merasmikan Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Mac lalu.

Badan itu perlu ditubuhkan bagi menapis dan meneliti nilai-nilai Islam yang patut dijadikan asas dan pegangan dalam pelaksanaan rancangan pembangunan negara.

Menurutnya, kalangan profesional dalam bidang pembangunan ekonomi mengasaskan, projek-projek kepada kriteria kecekapan dan faedah material sementara tokoh-tokoh agama

menilai projek yang sama berasaskan amalan dan ibadah tertentu dalam Islam.

Difahamkan, lima jawatankuasa petugas ditubuh bagi mengkaji resolusi-resolusi yang dibuat dalam seminar yang sama.

Jawatankuasa-jawatankuasa itu ialah mengenai perundangan Islam, sistem ekonomi Islam, pengurusan Islam, pendidikan Islam dan sains dan teknologi.

Menurut sumber-sumber lain pula, lebih 60 resolusi yang dipilih dalam seminar itu akan dibahagikan kepada jawatankuasa berkenaan untuk kajian lanjut.

Laporan mengenai kajian tersebut kemudian akan dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan.